



## MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami dalam media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan.

Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia untuk anda kongsi pendapat dengan kami dari semasa ke semasa.

**03.03.2023**

### ❖ **Tonggak pelaburan berasaskan nilai**

Banyak prinsip dan amalan dalam bidang pelaburan diperkenalkan sejak beberapa dekad yang lalu. Walau bagaimanapun, terdapat satu falsafah yang boleh memberikan pulangan yang boleh dipercayai dan mampan dalam jangka panjang. Ia dinamakan *value investing* atau pelaburan berasaskan nilai.

Pelaburan berasaskan nilai ialah falsafah pelaburan yang pertama kali diperkenalkan oleh Benjamin Graham pada tahun 1934. Ia dipopularkan oleh Warren Buffett, yang boleh dikatakan sebagai pengikut Graham paling berjaya. Syarikat Buffett, Berkshire Hathaway, telah mencapai keuntungan tahunan terkompoun sebanyak 19.8% dalam nilai pasaran selama 58 tahun! Terdapat juga pelabur nilai lain dengan rekod kejayaan selama 20 hingga 40 tahun.

Buffett mengaitkan kejayaan pelaburannya dengan prinsip pelaburan berasaskan nilai yang diperkenalkan oleh Graham. Dalam artikel bertajuk '*The Superinvestors of Graham and Doddsville*', yang diterbitkan pada tahun 1984, Buffett membentangkan prestasi sekumpulan pelabur yang berjaya mengatasi prestasi indeks saham S&P 500. Mereka berkongsi prinsip yang sama iaitu mengamalkan teknik pelaburan berasaskan nilai. Pelabur yang berpegang pada prinsip pelaburan berasaskan nilai ini mencari perbezaan antara harga dan nilai sesebuah perniagaan. Mereka membeli apabila harga saham berada pada diskaun yang ketara berbanding nilai intrinsik. Itu sahaja yang mereka lakukan untuk menewaskan pasaran.

Pada dasarnya, ada tiga konsep dalam falsafah pelaburan berasaskan nilai iaitu:

1. Memiliki saham bermaksud memiliki sebahagian daripada sesebuah syarikat.
2. Pasaran berkhidmat untuk kita dan bukannya mengarahkan kita.
3. Sentiasa mencari margin keselamatan yang luas.

### **Mindset pemilikan perniagaan**

Saham bermaksud pemilikan dalam sesebuah syarikat dan bukan sekadar kod saham atau sekeping kertas. Kebanyakan orang menjual beli saham seperti sekeping kertas kerana ia mudah didagangkan. Walau bagaimanapun, perubahan nilai sesebuah perniagaan tidak berlaku setiap hari atau setiap bulan tetapi ia memakan masa bertahun-tahun atau dekad.

Dalam jangka panjang, harga saham ditentukan oleh nilai intrinsik sesebuah perniagaan. Jika perniagaan berjalan dengan baik, prestasi saham akan mengikut jejak langkahnya. Sebelum anda mula melabur, buatlah penyelidikan dengan betul dan teliti. Pilih sebuah perniagaan dan siasatlah latar belakangnya dari mula hingga akhir. Berfikirlah seperti pemilik perniagaan dan tanyakan soalan yang betul; bagaimanakah perniagaan itu menghasilkan wang, bagaimanakah ia membiayai operasinya, bagaimanakah pihak pengurusan memperuntukkan modal, apakah yang membezakannya dengan syarikat pesaing dan apakah ciri-ciri industri syarikat berkenaan?

Jangan sekali-kali melupakan hakikat sebenar iaitu saham adalah sebuah perniagaan. Apabila kita mempunyai *mindset* sebagai pemilik, kita akan melihat pelaburan dengan cara dan pendekatan yang berbeza daripada semata-mata membeli saham untuk mendapatkan keuntungan yang cepat.

Dalam [surat beliau kepada pemegang saham Berkshire Hathaway baru-baru ini \(2022\)](#), Buffett menulis "Kami memiliki saham yang didagangkan secara terbuka berdasarkan jangkaan kami terhadap prestasi perniagaan mereka untuk jangka panjang dan bukan kerana kami melihatnya sebagai suatu wadah untuk mendapatkan untung melalui jual beli. Perkara penting yang diketengahkan di sini - **Charlie dan saya bukan pemilih saham, tapi kami pemilih perniagaan.**"

### **Mr Market adalah khadam dan bukannya tuan kita**

Pelabur berasaskan nilai mengambil peluang daripada turun naik pasaran. Bagi mereka, pasaran saham diciptakan sebagai orang suruhan dan bukannya tuan.

Dalam Bab 8 daripada buku *The Intelligent Investor* (menurut Buffett, inilah buku terbaik yang pernah ditulis tentang pelaburan), Graham menerangkan cara pelabur melihat turun naik pasaran menggunakan analogi Mr. Market. Menurut beliau, anda perlu membayangkan anda menjadi rakan kongsi kepada sebuah perniagaan dan rakan kongsi anda adalah seorang yang 'gila' bernama Mr Market. 'Gila' di sini bukanlah bermaksud tidak waras, tetapi Mr. Market bertindak dan membuat keputusan mengikut emosi. Setiap hari Mr Market akan memetik harga dan menawarkan kepada anda untuk membeli sahamnya atau membeli saham anda pada harga tertentu.

Harga yang ditawarkannya ternyata tidak rasional dan berdasarkan emosi. Walau bagaimanapun, sekali-sekala, Mr Market akan memberikan anda peluang untuk meraih keuntungan dengan membeli pada harga rendah dan menjual pada harga tinggi. Namun, anda perlu akur, Mr Market diciptakan untuk berkhidmat kepada anda dan bukannya membimbing anda.

Secara tuntas, Graham berkata "*Pada asasnya, turun naik harga hanya membawa satu makna penting kepada pelabur sebenar. Ia memberikan mereka peluang untuk*

*membeli dengan bijak apabila harga jatuh secara mendadak dan menjual dengan bijak apabila harganya meningkat dengan banyak. Pada masa lain, dia dapat meraih keuntungan yang lebih baik jika dia melupakan pasaran saham dan memberikan perhatian terhadap pulangan dividen serta prestasi daripada operasi syarikatnya."*

### **Tetapkan margin keselamatan**

Kunci kepada konsep ini ialah mengetahui nilai sesebuah perniagaan dan membayar harga yang jauh lebih rendah. Sebagai contoh, jika perniagaan tersebut bernilai RM10 juta, anda membelinya pada harga RM5 juta. Anda tidak membelinya pada harga RM9.5 juta.

Pelaburan melibatkan ramalan masa depan. Namun, masa depan tidak dapat diramalkan. Oleh itu, anda perlu menetapkan margin keselamatan, supaya kerugian dapat dibendung jika tersilap langkah. Lebih besar margin, lebih banyak ruang untuk kesilapan. Matlamatnya adalah untuk melindungi pelabur daripada kehilangan wang. Ingat Peraturan Buffett No 1 dan 2, itulah asas kejayaan pelaburannya.

Melabur nampak mudah tetapi sukar pada masa yang sama. Prinsip-prinsip ini mudah difahami tetapi tidak mudah untuk dilaksanakan. Jika anda berjaya menguasai tiga prinsip ini, ditambah dengan kesabaran dan berfikir dalam jangka panjang, anda akan mendahului 99% pelabur lain.

Seperti yang disebutkan oleh Buffett, jurang yang luas antara harga dan nilai dalam pasaran saham akan sentiasa ada dan mereka yang mengamalkan pelaburan berasaskan nilai akan terus makmur.

### **Jackson Tan Pengurus, Pemantauan Korporat**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 6 hingga 10 Mac 2023**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
06.03.23 (Isnin) 10.00 pagi	UMS Holdings Berhad (AGM)	Pendapatan Kumpulan meningkat sebanyak 16.10% atau RM10.267 juta kepada RM74.05 juta, terutamanya disebabkan oleh penambahbaikan secara keseluruhan dalam keadaan pasaran berbanding tahun kewangan sebelumnya, yang masih terikat dengan sekatan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

		<p>Bagaimanapun, untung sebelum cukainya hanya meningkat sebanyak RM581,000 atau 11.36% kepada RM5.7 juta daripada RM5.12 juta terutamanya disebabkan oleh rosot nilai ke atas muhibah berjumlah RM1.05 juta pada tahun kewangan 2022 serta ketiadaan untung daripada penjualan kilang dalam tahun kewangan semasa.</p>
09.03.23 (Khamis) 11.00 pagi	mTouche Technology Berhad (AGM)	<p>Perniagaan teras mTouche adalah dalam perkhidmatan tambah nilai mudah alih yang merangkumi perkhidmatan telekomunikasi, kandungan media digital dan pengiklanan. Ia menjangkakan perniagaan akan kekal mencabar dan berdaya saing. Oleh yang demikian, Kumpulan akan merasionalkan portfolio pendapatan sedia ada serta meningkatkan keberkesanan operasi.</p> <p>Bagi memastikan kemampuan perniagaannya dalam jangka panjang, Kumpulan baru-baru ini telah membeli dua hartanah komersil di Troika KLCC sebagai sebahagian daripada kepelbagaian ke dalam perniagaan berkaitan penjagaan kesihatan, iaitu dengan menawarkan perkhidmatan pemulihan serta kesejahteraan gaya hidup.</p>
09.03.23 (Khamis) 11.00 pagi	Eduspec Holdings Berhad (EGM)	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan penyatuan setiap 20 saham biasa sedia ada dalam Eduspec ("Saham") kepada 1 Saham Eduspec. Ia juga berhasrat untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan terbitan hak boleh ditolak berjumlah sehingga 996.52 juta Saham Eduspec bersama-sama sehingga 498.26 juta waran percuma berdasarkan 6 Saham Hak bersama-sama 3 waran percuma bagi setiap 1 Saham Disatukan yang dipegang oleh pemegang saham yang layak. Ia menjangkakan untuk mengumpul</p>

		sekurang-kurangnya RM15 juta bagi tujuan pembayaran balik pinjaman.
10.03.23 (Jumaat) 10.00 pagi	Digistar Corporation Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 27% dalam pendapatan kepada RM49.89 juta (2021: RM39.16 juta), terutamanya disumbangkan oleh pendapatan segmen konsesi yang merangkumi kira-kira separuh daripada pendapatan Kumpulan. Segmen hospitaliti juga mencatatkan peningkatan dalam pendapatan iaitu sebanyak RM14.20 juta berbanding RM8.10 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Peningkatan ini menurunkan rugi sebelum cukai kepada RM2.03 juta berbanding rugi sebelum cukai sebanyak RM7.95 juta pada tahun sebelumnya.</p>
10.03.23 (Jumaat) 11.00 pagi	TWL Holdings Berhad (EGM)	<p>TWL mencadangkan pelaksanaan terbitan hak untuk menerbitkan sehingga 5.56 bilion saham pinjaman tidak bercagar boleh tukar boleh tebus 5% untuk tempoh lima tahun dalam Syarikat (<i>redeemable convertible unsecured loan stocks, RCULS</i>) pada harga dua sen setiap satu, bersama-sama sehingga 1.11 bilion waran boleh tanggal percuma dalam Syarikat ("Waran E") berdasarkan 10 RCULS berserta 2 waran percuma bagi setiap 10 saham sedia ada yang dipegang oleh pemegang saham Syarikat yang layak.</p> <p>Terbitan hak ini bertujuan untuk membiayai pembelian tiga bidang tanah daripada Sime Darby Property Bhd untuk membangunkan projek rumah mampu milik.</p>

**Perkara penting untuk diketengahkan:**

Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
UMS Holdings Berhad (AGM)	Nampaknya tiada pertumbuhan ketara yang nyata dalam pendapatan Kumpulan bagi tempoh lima tahun kewangan yang lalu. Pendapatan tertinggi pernah dicatatkan adalah pada tahun kewangan 2018 iaitu berjumlah RM86.811 juta diikuti oleh RM68.007 juta pada tahun kewangan 2019, RM57.314 juta pada tahun kewangan 2020, RM63.782 juta

	<p>pada tahun kewangan 2021 dan RM74.049 juta pada tahun kewangan 2022. (Halaman 9, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Sila huraikan sebab di sebalik corak pertumbuhan pendapatan Kumpulan dan apakah strategi untuk melonjakkan lagi pendapatan Kumpulan?</p>
Mtouche Technology Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2022, Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM21.2 juta, yang mewakili peningkatan sebanyak RM2.38 juta atau kira-kira 12.6%, berbanding pendapatan bagi tempoh kewangan 15 bulan berakhir 2021 sebanyak RM18.83 juta. Pendapatan daripada pasaran matang seperti Malaysia, Thailand dan Hong Kong terus menyumbang 97.2% kepada jumlah pendapatan Kumpulan, berbanding 86.1% bagi tempoh kewangan berakhir 2021. Peningkatan pendapatan sebanyak RM2.98 juta atau 18.4% dalam pasaran matang sebahagian besarnya disumbangkan oleh pasaran Thailand (halaman 8, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Pasaran matang seperti yang dinyatakan di atas sudah tepu. Apakah strategi Kumpulan untuk meneroka ke dalam pasaran baru muncul seperti Indonesia, Vietnam, Kemboja dan Filipina?</p> <p>b) Sila huraikan peluang pertumbuhan Kumpulan dalam pasaran baru muncul ini yang mana kadar penembusan adalah rendah. Bolehkah pasaran ini menjadi penyumbang pendapatan dan keuntungan yang besar dalam tempoh dua tahun akan datang?</p>
Digistar Corporation Berhad (AGM)	<p>Kos jualan Kumpulan mencatatkan lonjakan ketara sebanyak 123.8% kepada RM16.57 juta (2021: RM7.40 juta) (halaman 62, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Memandangkan pendapatan Kumpulan meningkat sebanyak 27% kepada RM49.89 juta (2021: RM39.16 juta), apakah yang menyebabkan lonjakan besar dalam kos jualan?</p>

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))

---

#### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
-

### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*